



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWK M pada 28 November 2024.

**Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|-----|--|---|----------|
| 1. | Tiada Rancangan Tubuh Pusat Selaras Bantuan Kebajikan - Nancy https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/11/1159754/tiada-rancangan-tubuh-pusat-selaras-bantuan-kebajikan-nancy https://thesun.my/malaysia-news/pgk-not-the-only-criterion-for-jkm-welfare-aid-nancy-JF13346780 https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/11/27/poverty-line-income-not-sole-measure-for-aid-distribution-says-nancy-shukri https://www.utusan.com.my/nasional/2024/11/belum-ada-rancangan-tubuh-pusat-selaras-bantuan-nancy/#google_vignette https://www.nst.com.my/news/nation/2024/11/1140297/pgk-not-sole-criterion-welfare-applications-dewan-rakyat-told https://www.youtube.com/watch?v=Uox7FxaqtDE https://www.sinarharian.com.my/article/698959/video/berita-semasa-video/pendapatan-garis-kemiskinan-pgk-bukan-penilaian-tunggal-salur-bantuan-jkm https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/11/1329390/pendapatan-garis-kemiskinan-pgk-bukan-penilaian-tunggal-salur | Harian Metro The Sun The Star Utusan NST The Star Sinar Harian Berita Harian | Neutral |

| | | | |
|----|--|---|---------|
| | <p>https://www.utusanborneo.com.my/2024/11/27/pgk-bukan-ukuran-tunggal-pertimbangan-permohonan-kebajikan-nancy</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/11/27/tiada-keperluan-jawatankuasa-khas-pantau-saluran-bantuan-jkm/</p> <p>https://www.nabalunews.com/post/kpwkm-gunakan-pgk-2022-sebagai-rujukan-salur-bantuan-miskin-tegar</p> <p>https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/11/28/many-factors-considered-in-aid-distribution-not-just-pgk</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/highlights/senarai-berita-highlights/senarai-artikel/kpwkm-uses-pgk-2022-to-channel-aid</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=G2p2clc2nLU</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=SCbOncCaK_I</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/698942/berita/nasional/kerajaan-benarkan-pertindihan-bantuan-kebajikan-pelbagai-agensi</p> <p>https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2368138</p> | <p>Utusan Borneo</p> <p>Kosmo</p> <p>Nabalu News</p> <p>The Star</p> <p>Berita RTM</p> <p>Kini TV</p> <p>Berita RTM</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Bernamea</p> | |
| 2. | <p>Perantis Beri Peluang Wanita Perkasa Diri Jadi pemimpin</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/perantis-beri-peluang-wanita-perkasa-diri-jadi-pemimpin/#google_vignette</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/699099/berita/nasional/kerajaan-peruntukan-rm119-juta-laksana-perantis-martabat-wanita</p> <p>https://www.bernama.com/tv/news.php?id=2368493</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2024/11/28/perantis-beri-peluang-wanita-perkasa-diri-jadi-pemimpin</p> | <p>Buletin TV3</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Bernamea</p> | Neutral |

| | | | |
|----|---|---|---------|
| 3. | <p>RUU Profesion Kerja Sosial Masih Dalam Penelitian – Nancy Shukri</p> <p>https://media-perpaduan.com/2024/11/27/ruu-profesion-kerja-sosial-masih-dalam-penelitian-nancy-shukri/</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/ruu-profesion-kerja-sosial-masih-dalam-penelitian</p> | <p>Media Perpaduan</p> <p>Berita RTM</p> | Neutral |
| 4. | <p>Child Marriages And Pregnancies In Malaysia Raise Alarm Over Health And Legal Risks</p> <p>https://thesun.my/malaysia-news/child-marriages-and-pregnancies-in-malaysia-raise-alarm-over-health-and-legal-risks-DF13347466</p> <p>https://www.nst.com.my/news/nation/2024/11/1140286/child-marriages-spark-health-and-legal-concerns</p> | <p>The Sun</p> <p>NST</p> | Neutral |
| 5. | <p>Usaha Selamat Orang Papa Hidap Sakit Mental, Ketagih Dadah Di Pulau Pinang</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1159724/usaha-selamat-orang-papa-hidap-sakit-mental-ketagih-dadah-di-pulau-pinang</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pulau-pinang-akan-tubuh-jawatankuasa-garis-panduan-khusus-tangani-gelandangan-498132</p> <p>https://thesun.my/malaysia-news/penang-to-set-up-committee-to-address-homelessness-GF13346716</p> | <p>Harian Metro</p> <p>Astro Awani</p> <p>The Sun</p> | Neutral |
| 6. | <p>Mangsa Banjir Di Kelantan, T'ganu Meningkatkan, Perak Kembali Dilanda Bah</p> <p>https://www.malaysiakini.com/news/727175#google_vignette</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/jumlah-mangsa-banjir-di-6-negeri-meningkat-lebih-25000/</p> | <p>Malaysia Kini</p> <p>Buletin TV3</p> | Neutral |

| | | | |
|-----|--|--|---------|
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mangsa-banjir-di-kelantan-terengganu-terus-meningkat-malam-ini-498259 https://malaysiagazette.com/2024/11/27/mangsa-banjir-di-kelantan-terengganu-bertambah-malam-ini/ https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/banjir-penduduk-terjejas-di-kelantan-terengganu-meningkat https://www.nst.com.my/news/nation/2024/11/1140746/flood-situation-worsens-affecting-nearly-36000-victims-across-six-states | Astro Awani Malaysia Gazette Berita RTM NST | |
| 7. | 11 Pencawang Hentikan Bekalan Elektrik Di Kelantan https://malaysiagazette.com/2024/11/28/11-pencawang-hentikan-bekalan-elektrik-di-kelantan/ https://www.1media.my/2024/11/banjir-di-kelantan-makin-buruk-lima.html | Malaysia Gazette 1 Media | Neutral |
| 8. | Banjir: Beberapa Kawasan Di Kapit Terjejas Teruk https://www.utusanborneo.com.my/2024/11/27/banjir-beberapa-kawasan-di-kapit-terjejas-teruk | Utusan Borneo | Neutral |
| 9. | Kanak-Kanak Sejahtera https://www.hmetro.com.my/WM/2024/11/1159964/kanak-kanak-sejahtera | Harian Metro | Neutral |
| 10. | Mangsa Banjir Selamat Lahirkan Bayi Perempuan https://www.kosmo.com.my/2024/11/27/wanita-mangsa-banjir-selamat-lahirkan-bayi-perempuan/ https://www.buletintv3.my/nasional/wanita-sarat-mengandung-diselamatkan-dari-banjir-lahirkan-bayi-perempuan/ | Kosmo Buletin TV3 | Neutral |

| | | | |
|-----|---|---|---------|
| | <p>https://suarasarawak.my/wanita-mangsa-banjir-selamat-lahirkan-bayi-perempuan-sejurus-selepas-dipindah/#google_vignette</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2024/11/27/wanita-sarat-mengandung-diselamatkan-dari-banjir-melahirkan-bayi-perempuan</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1159747/terpa-ksa-guna-perahu-penduduk-bawa-keluar-wanita-mahu-bersalin</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/wanita-hamil-terperangkap-banjir-kilat-diselamatkan-bomba-orang-awam</p> | <p>Suara Sarawak</p> <p>Utusan Borneo</p> <p>Harian Metro</p> <p>Berita RTM</p> | |
| 11. | <p>Wanita Rugi Lebih RM200,000, Ditipu Ketika Hendak Beli Kedai</p> <p>https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/11/1159677/wanita-rugi-lebih-rm200000-ditipu-ketika-hendak-beli-kedai</p> | <p>Harian Metro</p> | Neutral |
| 12. | <p>Ibu Tunggal Teruk 'Dibantai', Seminggu Minum Air Tandas, Tidak Makan</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/11/27/ibu-tunggal-teruk-dibantai-seminggu-minum-air-tandas-tak-makan/</p> <p>https://www.bernama.com/misc/rss/news.php?id=2368352</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2024/11/27/ibu-rayu-selamatkan-anak-didera-sindiket-pemerdagangan-manusia</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1159788/tolong-kak-mereka-kata-nak-sembelih-saya</p> <p>https://malaysiagazette.com/2024/11/27/wanita-disangka-bekerja-di-kl-diperdagangkan-di-kemboja/</p> | <p>Kosmo</p> <p>Bernamea</p> <p>Utusan Borneo</p> <p>Harian Metro</p> <p>Malaysia Gazette</p> | Neutral |
| 13. | <p>Banjir Kilat: Warga Emas Maut Kereta Dihanyut Arus</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/banjir-kilat-warga-emas-maut-kereta-dihanyut-arus-498153</p> | <p>Astro Awani</p> | Neutral |

| | | | |
|--|--|--|--|
| | <p>https://www.kosmo.com.my/2024/11/27/lelaki-warga-emas-meninggal-dunia-kereta-terbabas-dan-tenggelam-dalam-parit/</p> <p>https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2024/11/27/tragis-warga-emas-maut-kereta-terbabas-dalam-parit</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/698971/berita/semasa/warga-emas-maut-kereta-dihanyut-arus-deras-ke-dalam-sungai</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=7uAdABR9n7g</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=b4TDnWwAm_4</p> <p>https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/terkini-warga-emas-maut-dihanyut-arus-deras-dikapit-x99u9ey</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1159622/warga-emas-maut-kereta-dipandu-tenggelam-dalam-parit-ketika-banjir</p> | <p>Kosmo</p> <p>MStar</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Astro Awani</p> <p>Astro Awani</p> <p>Harian Metro</p> | |
|--|--|--|--|

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

TIADA RANCANGAN TUBUH PUSAT SELARAS BANTUAN KEBAJIKAN – NANCY



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri. FOTO ASYRAF HAMZAH

Kuala Lumpur: Kerajaan buat masa ini, tidak bercadang menubuhkan hab bagi menyelaras bantuan kebajikan berikutan membenarkan pelbagai agensi lain menyalurkan bantuan kepada golongan sasaran.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, bukan hanya Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), malah pelbagai agensi lain turut berperanan menyantuni golongan memerlukan di negara ini sekali gus meringankan beban penerima.

"Setakat ini, belum ada perancangan buat itu (tubuhkan satu pusat selaras bantuan) kerana kita membiarkan.(sebab) kita tahu selain JKJ, ada zakat dan (agensi) lain yang memberi juga (bantuan)

"Kita lihat pada masa ini, mungkin ramai tidak mencukupi (bantuan) terutama mereka yang berada di bandar.

"(Jadi) kita lihat dari sudut berapa anaknya, kategori dalam keluarga itu, ibunya warga emas kita beri bantuan lain walaupun ketua keluarga itu memang penerima, tetapi kita juga benarkan anaknya yang orang kurang upaya (OKU) dapat bantuan," katanya di Dewan Rakyat di sini, hari ini.

Beliau menjawab soalan tambahan Syed Saddiq Syed Abdul Rahman (Muda-Muar) mengenai cadangan menubuhkan satu pusat bagi menyelaras bantuan daripada pelbagai agensi selain JKJ.

Mengulas lanjut, Nancy berkata, bantuan kebajikan yang disalurkan melalui JKJ berasaskan kelayakan dan keperluan mengguna pakai Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) sebagai satu syarat asas kelayakan permohonan bantuan kebajikan.

"Bagaimanapun, PGK bukanlah satu-satunya ukuran atau penilaian tunggal dalam mempertimbangkan setiap permohonan kebajikan.

"Ini kerana terdapat pelbagai lagi faktor lain yang turut diambil kira bagi memastikan mereka layak dan berkeperluan mendapat akses kepada bantuan disediakan kerajaan ini dan sememangnya diniatkan untuk membantu mereka.

"Penilaian lain ini termasuk aspek sokongan social keluarga secara menyeluruh seperti tanggungan keluarga, masalah kesihatan yang kronik, keperluan penjagaan yang rapi seperti OKU, psikososial dan sebagainya," katanya.

PERANTIS BERI PELUANG WANITA PERKASA DIRI JADI PEMIMPIN



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri.- Foto fail

KUALA LUMPUR: Sebanyak 26 permohonan bagi Program Perantisan Kepimpinan Wanita 2024 (PERANTIS 2024) telah diluluskan dengan peruntukan RM1.19 juta, kata Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri.

Beliau berkata ia melibatkan 1,544 peserta program yang telah melalui saringan ketat oleh 13 panel pakar untuk melaksanakan program yang mengangkat martabat wanita dalam pelbagai bidang seperti kepimpinan, ekonomi dan teknologi.

"Program PERANTIS adalah satu projek perintis yang diperkenalkan bagi memberi peluang kepada wanita untuk memperkasakan diri dan menjadi pemimpin muda yang berwibawa.

"Dalam program ini, wanita mempunyai platform untuk memperoleh ilmu, bimbingan dan jaringan yang boleh membawa mereka lebih jauh dalam kerjaya dan peranan kepimpinan," katanya kepada pemberita selepas pelancaran program itu, malam ini.

Beliau berkata PERANTIS diperlukan selepas melihat kepada realiti semasa yang mana penyertaan wanita dalam kepimpinan di Malaysia masih rendah, dengan skor parti politik hanya 0.102 berdasarkan Indeks Jurang Gender Malaysia (MGGI) 2022.

"Lihat sahaja Ahli Parlimen wanita di Dewan Rakyat, jumlahnya sangat kurang. Oleh itu, kita sahut cabaran agar wanita belajar ilmu politik.

"Tetapi, program ini melibatkan ilmu dalam bidang politik, jadi tidak semestinya mereka menjadi ahli politik. Apa yang penting kita mahukan wanita memahami politik dalam setiap peringkat, sama ada negeri atau Persekutuan bahkan kita memberi

peluang kepada mereka mengalaminya sendiri melalui latihan praktikal yang disediakan,” katanya.

Justeru, Nancy berharap agar program ini akan memberi manfaat besar kepada wanita di negara ini dan menarik lebih ramai penyertaan pada masa akan datang.

RUU PROFESION KERJA SOSIAL MASIH DALAM PENELITIAN – NANCY SHUKRI



KUALA LUMPUR, 27 November – Rang Undang-Undang (RUU) Profesion Kerja Sosial memerlukan penelitian mendalam sebelum dimuktamadkan dan dibentangkan di Dewan Rakyat.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Nancy Shukri berkata, ini termasuk memastikan kesediaan dasar bagi pelaksanaannya kelak.

“Cabaran utamanya adalah memastikan kelestarian majlis atau badan yang akan kawal selia bidang ini kerana kerja sosial berbeza dengan profesion lain yang mampu menjana pendapatan tinggi.

“Keduanya, kesinambungan penyampaian perkhidmatan kerja sosial di sektor awam dan swasta. Ketiga, pematuhan kepada dasar kerajaan sedia ada,” katanya ketika menjawab soalan Ahli Parlimen Subang, Wong Chen, berkenaan perkembangan pembentangan RUU tersebut.

Kementerian sebelum ini bercadang untuk membentangkan RUU itu pada akhir tahun ini, namun pelaksanaan memerlukan perincian lanjut bagi memastikan keberkesanannya selepas diluluskan.-Berita RTM

MANGSA BANJIR DI KELANTAN, T’GANU MENINGKAT, PERAK KEMBALI DILANDA BAH

Situasi banjir di Kelantan dan Terengganu semakin buruk dengan pertambahan jumlah mangsa yang ditempatkan di pusat pemindahan sementara (PPS) pagi ini berbanding malam tadi.

Jumlah mangsa di Johor pula kekal pagi ini manakala Perak kembali dilanda banjir.

Di Kelantan, sebanyak 3,110 mangsa daripada 938 keluarga dipindahkan ke 51 PPS di sembilan jajahan setakat 9.30 pagi ini, berbanding 250 orang daripada 36 keluarga malam tadi.

Menurut portal Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), sembilan jajahan terlibat ialah Kota Bharu, Pasir Mas, Bachok, Tanah Merah, Kuala Krai, Pasir Puteh, Jeli, Machang dan Tumpat.

Mengikut portal publicinfobanjir.water.gov.my, enam sungai di negeri itu, iaitu Sungai Golok di Pasir Mas; Sungai Melor di Jambatan Melor, Bachok; Sungai Lanas di Air Lanas, Jeli; Sungai Kelantan di Kampung Temangan, Machang; Sungai Galas di Dabong, Kuala Krai; dan Sungai Semerak, Pasir Puteh melepasi paras bahaya.

Sementara itu, tinjauan Bernama mendapati beberapa jalan utama di Kota Bharu dilanda banjir kilat pagi ini susulan hujan lebat berterusan sejak malam tadi, menyebabkan limpahan sungai berdekatan sehingga menyukarkan kenderaan melalui kawasan terbabit.

Di Terengganu, jumlah mangsa banjir terus meningkat kepada 97 orang setakat lapan pagi ini berbanding 41 orang yang direkodkan malam tadi.

Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Terengganu (JPBNT) memaklumkan 56 mangsa daripada 22 keluarga ditempatkan di lima PPS, iaitu Dewan Terbuka Kampung Belaoh, Masjid Kayu Ulul Albab, Masjid Laklok, Balai Raya Beris Pak Abu dan Sekolah Kebangsaan (SK) Tenang di daerah Besut.

Daerah Marang pula kekal dengan 41 mangsa daripada 10 keluarga yang berlindung di PPS SK Rawai.

Semakan di portal InfoBanjir pula mendapati paras air sungai di lima stesen melepasi paras bahaya, iaitu Sungai Setiu di Kampung Bukit, Setiu; Sungai Besut di Jambatan Keruak, Besut; Sungai Besut di Kampung La, Besut; Sungai Telemong di Kuala Ping (F1) Hulu Terengganu; dan Sungai Tebak di Jambatan Tebak, Kemaman.

Di Johor, Exco Pengurusan Bencana Negeri Azmi Rohani dalam kenyataan memberitahu jumlah mangsa banjir kekal 28 orang daripada lapan keluarga yang kesemuanya dari Kampung Seberang Batu Badak di Segamat setakat sembilan pagi ini, yang ditempatkan di PPS Balai Raya Batu Badak.

"Daerah Johor Bahru, Segamat, Batu Pahat dan Kulai diramalkan mendung hari ini manakala Muar, Pontian, Kluang, Kota Tinggi dan Tangkak cerah serta Mersing pula dijangka hujan. Sungai Paya Dato, Mersing mencatatkan paras amaran 1.83 meter," katanya.

Sementara itu, Perak embali dilanda banjir apabila satu PPS dibuka di SK Haji Parit Aman di daerah Kerian, malam tadi.

Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JBPN) menerusi kenyataan menyatakan 20 mangsa melibatkan tujuh keluarga dari Kampung Parit Ali Kalang dan Kampung Parit Air Itam 2 berlindung di PPS itu setakat lapan pagi ini.

Jabatan Meterologi Malaysia (MetMalaysia) pula meramalkan ribut di kesemua daerah pada sebelah petang ini, kecuali hujan di Hulu Perak.

-Bernama

BANJIR: BEBERAPA KAWASAN DI KAPIT TERJEJAS TERUK

KAPIT: Residen Bahagian Kapit Galong Luang mengesahkan beberapa kawasan di sekitar daerah ini terjejas teruk akibat banjir kilat yang berlaku awal pagi tadi.

Menurut Galong, hujan lebat yang berterusan seawal jam 2 hingga 6.30 pagi menyebabkan limpahan air dan kejadian banjir kilat di beberapa kawasan.

"Kami masih mengumpul data tentang kerosakan akibat banjir ini, khususnya di kawasan perumahan," katanya ketika dihubungi hari ini.

Beliau turut memaklumkan insiden tragik melibatkan seorang penduduk yang meninggal dunia selepas kenderaan yang dipandunya dihanyutkan arus deras ketika melalui Jalan Tatai Kenyalang di Selirik.

"Malangnya seorang mangsa maut dalam kejadian itu," katanya ketika dihubungi.

Susulan insiden tersebut, pasukan penyelamat dari pelbagai agensi, termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Jabatan Sukrealawan Malaysia (RELA), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) serta Pejabat Residen dan Daerah telah digerakkan untuk menjalankan operasi menyelamat dan memberi bantuan kepada mangsa.

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah dan Bahagian juga telah diaktifkan bagi memantau situasi terkini.

Terdahulu, Jurucakap Pusat Gerakan Operasi (PGO) JBPM Sarawak memaklumkan beberapa kawasan di Kapit mengalami banjir sekitar jam 5 pagi, memaksa pasukan Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Kapit menjalankan operasi menyelamat.

"Antara kawasan yang terjejas termasuk Selepong 3 Jalan Selirik, Bukit Goram, Simpang Utong, Taman Buluh Perindu dan Rumah Panjang Engking," katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Kapit DSP Rohana Nanu turut mengesahkan mangsa yang terkorban ialah pesara paderi berusia 75 tahun.

Mangsa dipercayai lemas selepas keretanya dihanyutkan arus deras di Kilometer 4, Jalan Selirik.

Kejadian berlaku kira-kira jam 6 pagi ketika mangsa dalam perjalanan pulang selepas menghantar isterinya yang berniaga di kawasan SK Methodist di sini.

"Hujan lebat sepanjang malam menyebabkan limpahan air yang melitupi jalan.

"Arus deras telah menghanyutkan kenderaan mangsa ke dalam parit berhampiran," katanya dalam kenyataan media.

Mayat mangsa berjaya dikeluarkan dari kenderaan oleh pasukan penyelamat sekitar jam 7.40 pagi.

KANAK-KANAK SEJAHTERA



NANCY (baju merah) bergambar kenangan bersama sebahagian daripada kanak-kanak yang hadir pada majlis sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia dan ulang tahun ke-70 Unicef.

Hari Kanak-Kanak Sedunia disambut setiap tahun pada 20 November bagi meningkatkan kesedaran mengenai hak dan kesejahteraan kanak-kanak di peringkat global.

Seiring sambutan itu, Tabung Kanak-Kanak Bangsa-Bangsa Bersatu (Unicef) dan Malaysia memperingati 70 tahun perkongsian mereka dengan memperbaharui komitmen memperjuangkan hak serta kesejahteraan kanak-kanak di seluruh negara

Menurut wakil Unicef ke Malaysia, Robert Gass, acara bersejarah itu meraikan kerjasama transformasi yang memajukan bidang penjagaan kesihatan, pendidikan dan dasar mesra kanak-kanak di Malaysia.

Katanya, perkongsian itu sentiasa didorong misi iaitu membayangkan dan mencipta dunia lebih baik untuk setiap kanak-kanak.

"Jadi, bersama-sama kita merealisasikan aspirasi ini dan Hari Kanak-Kanak Sedunia adalah peluang untuk merenung pencapaian kita dan cabaran akan datang.

"Masa depan adalah milik kanak-kanak, tetapi kita bertanggungjawab membuka jalan ke arah itu," katanya ketika berucap pada majlis sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia dan ulang tahun ke-70 Unicef di ibu negara, baru-baru ini.

Hadir sama, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri; Penyelaras Residen Unicef bagi Malaysia, Singapura dan Brunei Karima El Korri serta aktivis sosial, Datin Marina Mahathir.

Dalam pada itu, mengimbuai inisiatif awal Gass berkata, sumbangan Unicef sebelum ini seperti menyediakan susu berkhasiat, vaksin BCG dan menubuhkan klinik desa untuk meningkatkan akses kepada perkhidmatan kesihatan bagi komuniti luar bandar.

Kata beliau, inisiatif pada 1960-an dan 1970-an, termasuk kempen vaksinasi besar-besaran dan pengintegrasian kanak-kanak kurang upaya penglihatan ke sekolah, menjadi asas kepada dasar pendidikan wajib di Malaysia.

Katanya, menjelang 1990-an, kadar kematian kanak-kanak menurun lima kali ganda berikutan langkah kos efektif diambil seperti pemantauan tumbesaran dan penyusuan susu ibu.

"Kerjasama itu memainkan peranan penting dalam memastikan tiada kanak-kanak tercicir.

"Dengan berganding bahu, kita mencipta peluang untuk kanak-kanak berkembang maju," katanya.

Gass berkata, pencapaian terkini termasuk Malaysia menjadi negara pertama di Rantau Pasifik Barat Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang menghapuskan penularan HIV dan sifilis daripada ibu kepada anak pada 2018.

Selain itu, pada 2022, Petaling Jaya diiktiraf sebagai bandar mesra kanak-kanak pertama di Malaysia di bawah Inisiatif Bandar Mesra Kanak-Kanak Unicef.

"Usaha serupa sedang dilaksanakan di Sarawak, Pulau Pinang, dan Johor.

"Bandar mesti menjadi tempat di mana kanak-kanak dapat membesar dengan selamat serta mendapat akses kepada sumber yang mereka perlukan," kata Gass.

Sementara itu, bertemakan 'Reimagine the Future', acara berkenaan menekankan komitmen Unicef membangunkan ruang bandar mesra kanak-kanak, menyokong tindakan iklim yang diterajui belia dan memperjuangkan perlindungan sosial.

IBU TUNGGAL TERUK 'DIBANTAI', SEMINGGU MINUM AIR TANDAS, TIDAK MAKAN

PETALING JAYA – Dikurung dalam tandas selama seminggu tanpa makanan selain 'dibantai' pada muka dan kaki antara seksaan yang ditempuh seorang ibu tunggal selepas diperdaya sindiket pemerdagangan manusia di Kemboja.

IPerkara itu terbongkar selepas wanita yang dikenali sebagai Nur itu menghubungi keluarganya.

Ibunya yang berusia 56 tahun dari Kuching berkata, pada 19 Jun lalu, Nur memaklumkan dia akan ke Kuala Lumpur untuk berkerja di sebuah kedai makan.

Anak kesembilan daripada 11 beradik itu memberitahu, dia bersama seorang lagi rakan akan bekerja di ibu negara selama tiga bulan.

Namun, pada Jumaat lalu, Nur yang mempunyai seorang anak lelaki berusia empat tahun menghubungi ibunya memaklumkan dia berada di Kemboja dan dipaksa bekerja sebagai 'scammer'.

"Anak saya buat panggilan video beritahu dia telah dikurung selama seminggu di dalam tandas tanpa makanan dan minuman.

"Dia menunjukkan keadaan kaki dan mukanya yang bengkak akibat dipukul. Anak saya nampak sangat lemah. Dia mengadu terpaksa tidur dalam tandas, tidak makan dan hanya minum air paip," katanya pada sidang akhbar, di sini hari ini.

Lebih memilukan, cucunya yang juga anak tunggal Nur kerap menangis dan memanggil ibunya sebelum tidur.

"Anak lelaki Nur tanya di mana ibunya. Saya tidak tahu hendak jawab apa. Saya merayu tolong selamatkan anak saya," kata wanita itu.

Sementara itu, Setiausaha Agung Pertubuhan Kemanusiaan Masyarakat Antarabangsa Malaysia, Datuk Hishamuddin Hashim menggesa mana-mana individu yang merancang untuk ke Bangkok, Thailand supaya lebih berwaspada.

"Mana-mana rakyat Malaysia yang nak pergi melancong terutama jika diajak kawan-kawan supaya sentiasa berwaspada kerana anda juga berisiko jadi mangsa.

"Sindiket penipuan kini semakin hari semakin zalim. Teruskan seksaan macam tiada nokhtah kerana mereka selesa dan yakin tiada tindakan akan dibuat ke atas mereka," ujarnya. – KOSMO! ONLINE